**BIMB HOLDINGS BERHAD**

Company No. 423858-X
(Incorporated in Malaysia)

# NOTICE OF THE 20TH ANNUAL GENERAL MEETING

**NOTICE IS HEREBY GIVEN** that the 20th Annual General Meeting of BIMB Holdings Berhad **("BHB" or "the Company")** will be held at Ballroom 1, Sime Darby Convention Centre,1A, Jalan Bukit Kiara 1, 60000 Kuala Lumpur on Wednesday, 17 May 2017 at 10.00 a.m. for the following purposes:

**ORDINARY BUSINESS**

1. To receive the Audited Financial Statements for the financial year ended 31 December 2016 together with the Reports of the Directors and Auditors thereon. **(Please refer to Note 1)**
2. To re-elect Tan Sri Samsudin Osman who is retiring by rotation in accordance with Article 61 of the Company's Articles of Association and being eligible, has offered himself for re-election. **(Ordinary Resolution 1)**
3. To re-elect Datuk Rozaida Omar who is retiring by rotation in accordance with Article 61 of the Company's Articles of Association and being eligible, has offered herself for re-election. **(Ordinary Resolution 2)**
4. To re-elect Datuk Zaiton Mohd Hassan who is retiring by rotation in accordance with Article 61 of the Company's Articles of Association and being eligible, has offered herself for re-election. **(Ordinary Resolution 3)**
5. To approve the payment of Directors' fees and benefits amounting to RM1,762,000 to Non-Executive Directors of the Company for the financial year ended 31 December 2016. **(Ordinary Resolution 4)**
6. To approve the Directors' fees and benefits of up to RM2,429,000 payable to the Non-Executive Directors from 1 January 2017 until the next Annual General Meeting of the Company. **(Ordinary Resolution 5)**
7. To re-appoint Messrs. KPMG Desa Megat PLT as the External Auditors of the Company for the financial year ending 31 December 2017 and to authorise the Directors to fix their remuneration. **(Ordinary Resolution 6)**

**SPECIAL BUSINESS**

8. Retention of Independent Director

   To retain Datuk Zaiton Mohd Hassan as an Independent Non-Executive Director of the Company in accordance with Recommendation 3.3 of the Malaysian Code of Corporate Governance 2012. **(Ordinary Resolution 7)**

9. Proposed Shareholders' Mandate for Recurrent Related Party Transactions of a Revenue or Trading Nature

   "That subject to the Companies Act 2016, Memorandum and Articles of Association of the Company and the Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad approval be and is hereby given to BIMB Holdings Berhad and its subsidiaries to enter into the category of recurrent related party transactions of a revenue or trading nature with those related parties as specified in Section 2.1.3 of the Circular to Shareholders dated 25 April 2017 which are necessary for the Group's day to day operations subject to the following:

   (a) The transactions carried out are in the ordinary course of business and are on normal commercial terms that do not favour the related parties more than the general public;
   (b) Are not detrimental to the minority shareholders of the Company; and
   (c) Will be disclosed in the annual report with the breakdown of the aggregate value of transaction conducted during the financial year pursuant to the shareholders' mandate during the financial year **("Mandate")**.

   And that the Mandate conferred by this resolution shall commence immediately upon the passing of this Resolution;

   And that such Mandate shall continue to be in force until:

   (i) the conclusion of the next Annual General Meeting of the Company, at which time it will lapse, unless by a resolution passed at the meeting, the authority is renewed;
   (ii) the expiration of the period within which the next Annual General Meeting after the date is required to be held pursuant to Section 340(2) of the Companies Act 2016 (but shall not extend to such extension as may be allowed pursuant to Section 340(4) of Companies Act 2016); or
   (iii) it is revoked or varied by a resolution passed by the shareholders in a general meeting.

   whichever is the earlier." **(Ordinary Resolution 8)**

10. Proposed renewal of the authority for Directors to allot and issue new ordinary shares of BHB, for the purpose of the Company's Dividend Reinvestment Plan **("DRP")** that provides the shareholders of BHB the option to elect to reinvest their cash dividend in new BHB Shares

    The Company hereby seek the renewal of the shareholders' approval as follows:

    "**THAT** pursuant to the DRP as approved by the Shareholders at the Extraordinary General Meeting held on 27 October 2014 and subject to the approval of the relevant regulatory authority (if any), approval be and is hereby given to the Company to allot and issue such number of new BHB Shares from time to time as may be required to be allotted and issued pursuant to the DRP until the conclusion of the next Annual General Meeting upon such terms and conditions and to such persons as the Directors of the Company at their sole and absolute discretion, deem fit and in the interest of the Company **PROVIDED THAT** the issue price of the said new BHB Shares shall be fixed by the Directors based on the adjusted five (5) market days volume weighted average market price **("VWAP")** of BHB Shares immediately prior to the price-fixing date after applying a discount of not more than 10%, of which the VWAP shall be adjusted ex-dividend before applying the aforementioned discount in fixing the issue price;

    **AND THAT** the Directors and the Secretary of the Company be and are hereby authorised to do all such acts and enter into all such transactions, arrangements, deeds, undertakings and documents as may be necessary or expedient in order to give full effect to the DRP with full power to assent to any conditions, modifications, variations and/ or amendments as may be imposed or agreed to by any relevant authorities (if any) or consequent upon the implementation of the said conditions, modifications, variations and/or amendments, by the Directors as they, in their absolute discretion, deem fit and in the best interest of the Company." **(Ordinary Resolution 9)**

11. To transact any other ordinary business of which due notice shall have been given in accordance with the Companies Act 2016.

By Order of the Board

**MARIA MAT SAID** (LS 0009400)
Company Secretary
Kuala Lumpur
25 April 2017

**Notes:**

1. **Audited Financial Statements**
   The Audited Financial Statements laid at this meeting pursuant to Section 340(1)(a) of the Companies Act 2016 are meant for the shareholders' information and discussion only. It does not require the shareholders' approval, and therefore, the Audited Financial Statements are not put forward for voting.
2. **Ordinary Resolution 4 & 5**
   Details of the Directors' fees and benefits paid to the Non-Executive Directors for the financial year ended 31 December 2015 and 31 December 2016 are enumerated in Note 38 on pages 217 to 219 of the Annual Report.
   The proposed Resolution 5 is for payment of the Directors' fees and benefits for the period of 1 January 2017 until the conclusion of the next Annual General Meeting. The Directors' fees and benefits proposed for the said period are calculated based on the revised remuneration of the Non-Executive Directors which took effect on 1 January 2017 and the number of Board and Board Committees' meetings to be held during the period.
3. **Explanatory Notes to Special Business**
   (a) **Ordinary Resolution 3 & 7**
   Datuk Zaiton Mohd Hassan ("Datuk Zaiton") was appointed as an Independent Non-Executive Director of BHB on 2 February 2006. As at the date of the 20th Annual General Meeting of BHB, she has served as an Independent Non-Executive Director of the Company for over 10 years. Based on the Directors' Assessment for 2016, the Board has formed a collective view and agreed that it would be crucial to retain Datuk Zaiton as an Independent Non-Executive Director of the Company.
   During the 10 years period in the Company, Datuk Zaiton has demonstrated her commitment to the Company and has a good attendance record, in line with the attendance requirements for Board meetings pursuant to Bursa Securities Listing Requirements and BNM's CG Policy. This testifies her dedication in discharging the responsibilities expected of an independent director.
   Apart from being well prepared for the Board and Board Committees' meetings, Datuk Zaiton participates actively in the deliberation of the matters at the Board and Board Committees meetings. She was acknowledged to be meticulous and analytical in her views. Coupled with her vast experience in banking, risk management and other experiences gained through the various senior positions that she held in the financial industry, Datuk Zaiton's independent views, input and contributions are highly valued and respected. The skills, experience and knowledge possessed by Datuk Zaiton are useful for the future development of BHB and its subsidiaries.
   Apart from the above, Datuk Zaiton has complied with the criteria/requirement of 'independent director' and other requirements set out in Paragraph 1.01 of Bursa Securities Listing Requirements. Based on the aforesaid, the Board strongly recommends the shareholders of BHB to retain Datuk Zaiton as an Independent Non-Executive Director at the 20th Annual General Meeting of the Company.
   In relation to Resolutions 3 & 7, the Company wishes to bring to the attention of the shareholders of Paragraph 10.13 of BNM's CG Policy which stipulates that any removal of an Independent Non-Executive Director would require Bank Negara Malaysia's approval.
   (b) **Ordinary Resolution 8**
   Ordinary Resolution 8, if passed, will enable the Company and/or its Subsidiaries to enter into recurrent transactions involving the interest of Related Parties, which are of a revenue or trading nature and necessary for the Group's day-to-day operations, subject to the transactions being carried out in the ordinary course of business and on terms not to the detriment of the minority shareholders of the Company. The authority, unless revoked or varied by the Company at a general meeting, will expire at the next Annual General Meeting of the Company.
   For further details on Ordinary Resolution 8, please refer to Circular to Shareholders dated 25 April 2017.
   (c) **Ordinary Resolution 9**
   Ordinary Resolution 9, if passed, will give authority to the Directors to allot and issue share for the Dividend Reinvestment Plan in respect of dividends to be declared until the next Annual General Meeting. A renewal of this authority will be sought at the next Annual General Meeting.
4. **Appointment of Proxy**
   (i) Only members whose names appear in the Record of Depositors on 9 May 2017 shall be eligible to attend, speak and vote at the Annual General Meeting or appoint proxy(ies) to attend, speak and/or vote on their behalf.
   (ii) A member of the Company entitled to attend and vote at this meeting is entitled to appoint not more than two (2) proxies to attend and to vote instead of him at the same meeting and a proxy need not be a member of the Company.
   (iii) Where a member of the Company appoints two (2) proxies, the appointments shall be invalid unless he specifies the holdings to be represented by each proxy.
   (iv) Where a member of the Company is an exempt authorised nominee as defined under the Securities Industry (Central Depositories) Act 1991 which holds ordinary shares in the Company for multiple beneficial owners in one securities account ("omnibus account"), there is no limit to the number of proxies which the exempt authorised nominee may appoint in respect of each omnibus account it holds.
   (v) The instruments appointing a proxy in the case of an individual shall be signed by the appointer or his attorney and in the case of a corporation, must be under seal or under the hand of an officer or attorney duly authorised.
   (vi) The instrument appointing a proxy must be deposited with the Share Registrar; Symphony Share Registrars Sdn Bhd, Level 6, Symphony House, Pusat Dagangan Dana, 1, Jalan PJU 1A/46, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan not less than twenty-four (24) hours before the time of the meeting or adjourned meeting at which the person named in such instrument proposes to vote, and in default the instrument of proxy shall not be treated as valid.
   (vii) Pursuant to Paragraph 8.29A of the Bursa Securities Listing Requirements, all resolutions set out in the Notice will be put to vote by poll.

**BIMB HOLDINGS BERHAD**

No. Syarikat 423858-X
(Diperbadankan di Malaysia)

# NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-20

**DENGAN INI DIMAKLUMKAN** bahawa Mesyuarat Agung Tahunan ke-20 BIMB Holdings Berhad **("BHB" atau "Syarikat")** akan diadakan di Ballroom 1, Pusat Konvensyen Sime Darby, 1A, Jalan Bukit Kiara 1, 60000 Kuala Lumpur pada hari Rabu, 17 Mei 2017 pada jam 10.00 pagi untuk tujuan yang berikut:

**URUSAN BIASA**

1. Untuk menerima Penyata Kewangan beraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 berserta dengan Laporan Pengarah dan Juruaudit mengenainya. **(Sila rujuk kepada Nota 1)**
2. Untuk melantik semula Tan Sri Samsudin Osman yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 61, Tataurusan Penubuhan Syarikat dan oleh kerana layak, telah menawarkan diri untuk dilantik semula. **(Resolusi Biasa 1)**
3. Untuk melantik semula Datuk Rozaida Omar yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 61, Tataurusan Penubuhan Syarikat dan oleh kerana layak, telah menawarkan diri untuk dilantik semula. **(Resolusi Biasa 2)**
4. Untuk melantik semula Datuk Zaiton Mohd Hassan yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 61, Tataurusan Penubuhan Syarikat dan oleh kerana layak, telah menawarkan diri untuk dilantik semula. **(Resolusi Biasa 3)**
5. Untuk meluluskan pembayaran yuran dan manfaat para Pengarah berjumlah RM1,762,000 kepada para Pengarah Bukan Eksekutif Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016. **(Resolusi Biasa 4)**
6. Untuk meluluskan yuran dan manfaat para Pengarah berjumlah sehingga RM2,429,000 kepada para Pengarah Bukan Eksekutif Syarikat dari 1 Januari 2017 sehingga Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat akan datang. **(Resolusi Biasa 5)**
7. Untuk melantik semula Tetuan KPMG Desa Megat PLT sebagai Juruaudit Luar Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 dan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan ganjaran mereka. **(Resolusi Biasa 6)**

**URUSAN KHAS**

8. Pengekalan Pengarah Bebas
   Untuk mengekalkan Datuk Zaiton Mohd Hassan sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat menurut Cadangan 3.3 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012. **(Resolusi Biasa 7)**
9. Cadangan Mandat Pemegang Saham bagi Urus Niaga Berulang dengan Pihak Berkaitan Berbentuk Pendapatan atau Perdagangan
   "Bahawa tertakluk kepada Akta Syarikat 2016, Memorandum dan Tataurusan Penubuhan Syarikat dan Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad kelulusan adalah dan dengan ini diberikan kepada BIMB Holdings Berhad dan anak-anak syarikatnya untuk melaksanakan kategori urus niaga berulang pihak berkaitan yang berbentuk pendapatan atau perdagangan dengan pihak berkaitan sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 2.1.3 Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 25 April 2017 yang perlu untuk operasi harian Kumpulan tertakluk kepada perkara-perkara berikut:
   (a) Urus niaga yang dijalankan adalah dalam urusan biasa perniagaan dan berdasarkan terma perdagangan biasa yang tidak lebih memihak kepada pihak berkaitan daripada orang awam;
   (b) Tidak menjejaskan para pemegang saham minoriti Syarikat; dan
   (c) Akan dikemukakan dalam laporan tahunan dengan perincian nilai agregat urus niaga yang dibuat sepanjang tahun kewangan menurut mandat pemegang saham semasa tahun kewangan tersebut **("Mandat")**.

   Dan bahawa Mandat yang diberikan melalui resolusi ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta sebaik sahaja Resolusi ini diluluskan;
   Dan bahawa Mandat tersebut akan terus berkuatkuasa sehingga:
   (i) berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat akan datang, di mana ia akan luput, kecuali melalui satu resolusi yang diluluskan pada mesyuarat itu, kuasa tersebut diperbaharui;
   (ii) tamatnya tempoh selepas tarikh Mesyuarat Agung Tahunan yang berikutnya perlu diadakan menurut Seksyen 340(2) Akta Syarikat 2016 (tetapi tidak boleh dilanjutkan sehingga tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan menurut Seksyen 340(4) Akta Syarikat 2016); atau
   (iii) dibatalkan atau diubah melalui resolusi yang diluluskan oleh pemegang saham dalam mesyuarat agung.

   yang mana lebih awal." **(Resolusi Biasa 8)**
10. Cadangan pembaharuan kuasa bagi para Pengarah mengumpul dan menerbitkan saham biasa, untuk tujuan Pelan Pelaburan Semula Dividen **("DRP")** Syarikat yang memberikan para Pemegang Saham BHB **("Pemegang Saham")** pilihan untuk melabur semula dividen tunai mereka dalam Saham BHB yang baharu
    "**BAHAWA** menurut DRP seperti yang diluluskan oleh Pemegang Saham pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 27 Oktober 2014 dan tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan (sekiranya ada), kelulusan adalah dan dengan ini diberikan kepada Syarikat untuk mengumpul dan menerbitkan sejumlah Saham BHB yang baharu dari semasa ke semasa sebagaimana perlu dikumpulkan dan diterbitkan menurut DRP sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya mengikut terma dan syarat dan kepada mereka yang dianggap sesuai mengikut budi bicara tunggal dan mutlak para Pengarah Syarikat dan demi kepentingan Syarikat **DENGAN SYARAT** harga terbitan Saham BHB yang baharu tersebut hendaklah ditetapkan oleh para Pengarah berdasarkan volum harga pasaran purata berwajaran **("VWAP")** terlaras selama lima (5) hari pasaran Saham BHB sejurus sebelum tarikh penetapan harga, selepas mengenakan diskaun yang tidak melebihi 10%, yang mana VWAP hendaklah dilaraskan selepas dividen sebelum mengguna pakai diskaun tersebut dalam menetapkan harga terbitan;

    **DAN BAHAWA** para Pengarah dan Setiausaha Syarikat adalah dan dengan ini diberi kuasa untuk melakukan semua tindakan dan melaksanakan semua urus niaga, pengaturan, surat ikatan, perjanjian dan dokumen yang mungkin diperlukan atau wajar untuk menguatkuasakan sepenuhnya DRP dengan kuasa penuh untuk bersetuju dengan apa-apa syarat, pengubahsuaian, perubahan dan/atau pindaan yang sebagaimana mungkin dikenakan atau dipersetujui oleh mana-mana pihak berkuasa berkaitan (jika ada) atau akibat daripada pelaksanaan syarat, pengubahsuaian, perubahan dan/atau pindaan tersebut, oleh para Pengarah, sepertimana yang dianggap sesuai mengikut budi bicara mutlak mereka, dan demi kepentingan Syarikat." **(Resolusi Biasa 9)**
11. Untuk melaksanakan sebarang urusan biasa yang lain di mana notis yang sewajarnya telah diberikan menurut Akta Syarikat 2016.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah

**MARIA MAT SAID** (LS 0009400)
Setiausaha Syarikat
Kuala Lumpur
25 April 2017

**Nota-nota:**

1. **Penyata Kewangan Beraudit**
   Penyata Kewangan Beraudit dibentangkan di mesyuarat ini selaras dengan Seksyen 340(1)(a) Akta Syarikat 2016 adalah bertujuan untuk maklumat para pemegang saham dan perbincangan sahaja. Ia tidak memerlukan kelulusan pemegang saham, dan oleh itu, Penyata Kewangan Beraudit tidak dikemukakan untuk pengundian.
2. **Resolusi Biasa 4 & 5**
   Butiran yuran dan manfaat para Pengarah yang telah dibayar kepada para Pengarah Bukan Eksekutif bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 dan 31 Disember 2016 adalah seperti yang dibentangkan dalam Nota 38 di muka surat 217 hingga 219 dalam Laporan Tahunan ini.
   Resolusi 5 yang dicadangkan adalah untuk pembayaran yuran dan manfaat para Pengarah bagi tempoh 1 Januari 2017 sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang. Yuran dan manfaat yang dicadangkan untuk tempoh tersebut dikira berdasarkan ganjaran para Pengarah Bukan Eksekutif yang disemak semula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017 dan bilangan mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang akan diadakan dalam tempoh tersebut.
3. **Nota Penerangan kepada Urusan Khas**
   (a) **Resolusi Biasa 3 & 7**
   Datuk Zaiton Mohd Hassan ("Datuk Zaiton") telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif BHB pada 2 Februari 2006. Setakat tarikh Mesyuarat Agung Tahunan ke-20 BHB, beliau telah berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat selama lebih 10 tahun. Berdasarkan Penilaian Pengarah untuk tahun 2016, Lembaga Pengarah telah membentuk pandangan kolektif dan bersetuju bahawa adalah penting untuk mengekalkan Datuk Zaiton sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat.
   Sepanjang tempoh 10 tahun didalam Syarikat, Datuk Zaiton telah menunjukkan komitmen beliau terhadap Syarikat dan beliau memiliki rekod kehadiran yang baik, sejajar dengan kehendak kehadiran di mesyuarat Lembaga Pengarah menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Securities dan Polisi Tadbir Urus Bank Negara Malaysia. Ini membuktikan dedikasi beliau dalam menjalankan tanggungjawab yang diharapkan daripada seorang Pengarah Bebas.
   Selain cukup bersedia untuk mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah, Datuk Zaiton mengambil bahagian secara aktif dalam perbincangan mengenai perkara yang dibincangkan pada mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Beliau diakui sebagai seorang yang teliti dan analitikal dalam pandangan beliau. Dengan pengalaman beliau yang luas dalam bidang perbankan, pengurusan risiko dan pengalaman lain yang diperolehi menerusi pelbagai jawatan kanan yang pernah disandang dalam industri kewangan, pandangan bebas, input dan sumbangan Datuk Zaiton adalah amat bernilai dan dihormati. Kemahiran, pengalaman dan pengetahuan yang dimiliki oleh Datuk Zaiton berguna untuk pembangunan masa depan BHB dan anak-anak syarikatnya.
   Selain daripada yang dinyatakan di atas, Datuk Zaiton telah mematuhi kriteria/kehendak 'pengarah bebas' dan keperluan lain yang dinyatakan dalam Perenggan 1.01 Keperluan Penyenaraian Bursa Securities. Berdasarkan semua di atas, Lembaga Pengarah sesungguhnya menyarankan para pemegang saham BHB untuk mengekalkan Datuk Zaiton sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada Mesyuarat Agung Tahunan ke-20 Syarikat.
   Sehubungan dengan Resolusi 3 & 7, Syarikat ingin membawa perhatian para pemegang saham kepada Perenggan 10.13 Polisi Tadbir Urus Korporat Bank Negara Malaysia yang menetapkan bahawa mana-mana penyingkiran seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif adalah memerlukan kelulusan dari pihak Bank Negara Malaysia.
   (b) **Resolusi Biasa 8**
   Resolusi Biasa 8, jika diluluskan, akan membolehkan Syarikat dan/atau anak syarikatnya untuk melaksanakan urusniaga berulang yang melibatkan kepentingan Pihak-pihak Berkaitan, yang berbentuk pendapatan atau perdagangan yang perlu untuk operasi seharian Kumpulan, dengan syarat urusniaga tersebut dijalankan dalam urusan biasa perniagaan dan berdasarkan terma yang tidak akan merugikan para pemegang saham minoriti Syarikat. Mandat yang diberi, melainkan dibatalkan atau diubah oleh Syarikat pada mesyuarat agung, akan tamat pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat akan datang. Untuk maklumat lanjut tentang Resolusi Biasa 8, sila rujuk Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 25 April 2017.
   (c) **Resolusi Biasa 9**
   Resolusi Biasa 9, jika diluluskan, akan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk mengumpul dan menerbitkan saham untuk tujuan Pelan Pelaburan Semula Dividen berkenaan dengan dividen yang akan diisytiharkan sehingga Mesyuarat Agung Tahunan yang berikutnya. Pembaharuan kuasa ini akan cuba dicapai pada Mesyuarat Agung Tahunan yang berikutnya.
4. **Pelantikan Proksi**
   (i) Hanya ahli yang nama mereka tersenarai dalam Rekod Pendeposit pada 9 Mei 2017 adalah layak untuk hadiri, bercakap dan mengundi di Mesyuarat Agung Tahunan atau melantik proksi untuk hadir, bercakap dan/atau mengundi bagi pihak mereka.
   (ii) Ahli Syarikat yang yang layak untuk hadir dan mengundi di mesyuarat ini adalah berhak untuk melantik tidak lebih daripada dua (2) orang proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihaknya di mesyuarat yang sama dan proksi tidak semestinya seorang ahli Syarikat.
   (iii) Bilamana seorang ahli Syarikat melantik dua (2) orang proksi, perlantikan tersebut adalah tidak sah melainkan beliau menyatakan pegangan yang akan diwakili oleh setiap proksi.
   (iv) Jika seorang ahli Syarikat adalah nomini dibenarkan berkecuali seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 yang memegang biasa saham Syarikat untuk berbilang pemilik benefisial dalam satu akaun sekuriti ("akaun omnibus"), tidak ada had kepada bilangan proksi yang boleh dilantik oleh nomini dibenarkan berkecuali bagi setiap akaun omnibus yang dipegangnya.
   (v) Suratcara pelantikan proksi bagi individu mestilah ditandatangani oleh pelantik atau peguamnya dan dalam hal sebuah perbadanan, mestilah di bawah meterai rasmi atau ditandatangani oleh pegawai atau peguam yang diberi kuasa.
   (vi) Suratcara perlantikan proksi hendaklah diserahkan ke Pendaftar Saham; Symphony Share Registrars Sdn Bhd, Level 6, Symphony House, Pusat Dagangan Dana, 1, Jalan PJU 1A / 46, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan tidak kurang daripada dua puluh empat (24) jam sebelum masa mesyuarat atau mesyuarat yang ditangguhkan di mana orang yang dinamakan dalam surat cara itu bercadang untuk mengundi, dan jika gagal, suratcara proksi akan dianggap tidak sah.
   (vii) Menurut Perenggan 8.29A Keperluan Penyenaraian Bursa Securities, semua resolusi yang dinyatakan dalam Notis itu akan diundi secara pol.